


17/7/2017

Suhaimi Hashim dilantik Profesor Adjung FESP Unisza

SUHAIMI HASHIM (kiri) menerima surat pelantikan sebagai Profesor Adjung dari pada Dr. Ahmad Shukri Yazid di sebuah Hotel di Shah Alam, Selangor baru-baru ini.



FAKULTI Ekonomi dan Sains Pengurusan (FESP) Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) melantik tokoh korporat dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Platinum Oil & Gas, Datuk Seri Suhaimi Hashim sebagai Profesor Adjung di fakulti tersebut.

Menurut Dekan FESP Unisza, Prof. Dr. **Ahmad Shukri Yazid**, pemilihan Suhaimi sebagai Profesor Adjung adalah berdasarkan pengalaman beliau yang luas dalam bidang perniagaan melebihi 20 tahun

dalam pelbagai sektor.

“Pemilihan dibuat berdasarkan pengalaman beliau sebagai seorang usahawan yang berjaya dalam industri minyak dan gas, perlombongan dan pembinaaan.


“Pelantikan

ini berkaitkuasa selama setahun dan kita berharap kerjasama antara Unisza dan beliau memberi manfaat yang besar kepada dunia pendidikan khususnya di universiti QJA

Sementara itu menurut Suhaimi, pelantikan tersebut adalah suatu penghormatan terhadap dirinya yang merupakan alumni Unisza. “Pelantikan ini adalah pengiktirafan atas usaha saya sebagai usahawan dalam pelbagai industri terutama dalam bidang minyak dan gas. Saya berharap kerjasama antara saya dan Unisza mampu menyumbang sesuatu bagi memartabatkan pendidikan tinggi di negara ini,” katanya.

- **ABDUL RAZAK IDRIS**

kami,” katanya. Ahmad Shukri berkata, FESP amat bertuah dengan kesedian Suhaimi berkongsi ilmu dan pengalaman beliau dalam membantu mempertingkatkan kebolehpasaran graduan Unisza. Katanya lagi, dengan kepakaran yang dimiliki beliau dilihat sebagai seorang tokoh yang dapat memilai dan mengemaskini kurikulum FESP agar selari dengan kehendak industri.



UTUSAN MALAYSIA

17/7/2017